
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMK 214 – Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Dalam *Sejarah Melayu* wa'adat antara Sang Sapurba (Raja Melayu Pertama) dengan Demang Lebar Daun (Bendahara Pertama) di Bukit Siguntang itu wujud atas satu falsafah politik yang kemudiannya diwarisi turun temurun. Huraikan peristiwa melanggar wa'adat tersebut yang telah dilakukan oleh kedua-dua pihak di Negara-kota Singapura dan Melaka.

(25 markah)

2. Persamaan antara Sultan Ahmad Perumudal Perumal dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan Sultan Mahmud Shah dalam *Sejarah Melayu*, masing-masing menyebabkan keruntuhan kerajaan Pasai dan Melaka. Bincangkan.

(25 markah)

3. Raja Seri Mahawangsa tidak setuju anakanda baginda berkahwin dengan cucu Ning Meri, seorang keturunan gergasi. Baginda pernah berkata:

“Tiada sama bangsanya dengan kita. Kalau-kalau siapa tahu akhirnya beroleh anak dengan perempuan itu, menurut hawa nafsu kaumnya, iaitu gergasi, masuk fitnah maknanya itu.”

(*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:45)

Huraikan watak anak yang dimaksudkan itu yang telah menyebabkan rakyat Kedah hidup dalam ketakutan. Bincangkan juga aspek simbolik dan pengajaran daripada kisah watak tersebut.

(25 markah)

4. “Selepas sahaja memasuki perkhidmatan istana, Hang Tuah hanya mempunyai suatu matlamat iaitu berkhidmat kepada raja dengan taat setia yang tidak berbelah bagi. Apa jua yang dilakukan, di dalam negeri maupun di luar Negara, di balai penghadapan raja-raja lain, misi Hang Tuah ialah mengagungkan raja dan negaranya”.

(Siti Hawa Hj. Salleh, *Hikayat Hang Tuah: Epik Kebangsaan Melayu*. Seminar Bahtera USM 2003)

Bincangkan watak tersebut dan buktikan kebenaran peryataan di atas.

(25 markah)

5. Dalam *Syair Sultan Maulana* terdapat dua peristiwa penting yang menyebabkan Sultan Maulana memerintahkan rakyat baginda memberi bantuan ketenteraan kepada kerajaan Siam. Huraikan dua peristiwa tersebut dan kepentingannya kepada negeri Kedah.

(25 markah)

6. Kemajuan, kemakmuran dan kebesaran empayar Melayu Melaka dalam *Sejarah Melayu* adalah hasil daripada kebijaksanaan Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Bincangkan.

(25 markah)

- oooOooo -

